



MPC.600-1/2/24 PCD

1 Oktober 2020

Tuan Haji Khairul Izan bin Ahmad Saufi
Pengurus Kanan, Bahagian Promosi Eksport dan Akses Pasaran
Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE)
Menara MATRADE
Jalan Sultan Haji Ahmad Shah
50480 Kuala Lumpur

Tuan Haji,

JEMPUTAN SEBAGAI PENCERAMAH BAGI SEMINAR *INTERNATIONAL INVESTMENT OPPORTUNITIES AND THE ENSUING LEGAL WORK*

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Untuk makluman, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), agensi di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dengan kerjasama Badan Peguam Malaysia akan menganjurkan seminar bertajuk *International Investment Opportunities and the Ensuing Legal Work* seperti ketetapan berikut:

Tarikh : 11 Oktober 2020 (Ahad)
Tempat : Hotel Perdana, Kota Bharu Kelantan
Masa : 2.00 petang – 5.00 petang
Agenda : Rujuk Lampiran 1

3. Seminar ini bertujuan untuk berkongsi maklumat serta pengetahuan berhubung hal ehwal perundangan dan peluang pelaburan asing di Malaysia. Sehubungan dengan itu, saya dengan berbesar hati ingin menjemput tuan sebagai pembentang bagi seminar tersebut. Bayaran honorarium sebanyak RM450 akan dibayar kepada pihak tuan.

4. Kemudahan penginapan serta makan minum adalah ditanggung, manakala tuntutan perjalanan dan lain-lain elaun yang berkaitan adalah dibawah tanggungjawab jabatan tuan.

5. Bersama-sama ini juga disertakan **Surat Setuju Terima (Lampiran 2)** untuk diisi dan dikembalikan kepada Pn Haslizayanti Othman melalui email (haslizayanti@mpc.gov.my) selewat-lewatnya pada **5 Oktober 2020 (Isnin)** untuk tindakan selanjutnya.

Kerjasama dan perhatian daripada pihak tuan dalam menjayakan seminar ini amat kami hargai.

Sekian, terima kasih.

‘MEMACU PRODUKTIVITI NEGARA’

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHAMAD MUZAFFAR ABDUL HAMID)

Timbalan Pengarah

Unit Strategi Daya Saing Negara

s.k Wan Fazlin Nadia Wan Osman, Pengarah MPC

AGENDA

Seminar on International Investment Opportunities and The Ensuing Legal Work

Date: 11 October 2020

Venue: Perdana Hotel, Kota Bharu, Kelantan

TIME	ITEM
11 October 2020 (Sunday)	
1.30pm – 2.00pm	<i>Registration</i>
2.00pm – 2.15pm	Welcoming Remarks by Mr Desmond Ho / YBhg Dato' Mohammed Rhiza bin Ghazi
2.15pm – 2.30pm	Opening Remarks by YBrs En. Mohd Azwan bin Mohd Salleh, Pengarah MPC Pantai Timur
2.30pm – 3.30pm	Corporate Work Perspective by YBhg Dato' Azmi bin Mohd Ali, Senior Partner, Azmi & Associates
3.30pm – 4.30pm	MATRADE Perspective by YBrs Tn. Hj. Khairul Izan bin Ahmad Saufi, Senior Manager, Exports Promotion & Market Access Division, MATRADE
4.30pm – 5.00pm	China Belt Perspective by Mr Leong Zhi Hong, Desmond Ho & Associates
	Summary of Presentations.
	<i>End of session.</i>

SURAT SETUJU TERIMA

Ketua Pengarah

Perbadanan Produktiviti Malaysia
Lorong Produktiviti
Jalan Sultan
46200 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
(U.P: Pn Haslizayanti binti Othman)

Puan,

JEMPUTAN SEBAGAI PENCERAMAH BAGI SEMINAR *INTERNATIONAL INVESTMENT OPPORTUNITIES AND THE ENSUING LEGAL WORK*

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacitanya dimaklumkan, saya **bersetuju / tidak bersetuju**** menerima tawaran sebagai Penceramah bagi seminar tersebut.

Sekian, terima kasih.

Nama :

No Kad Pengenalan :

Nama Bank :

No Akaun Bank :

Tandatangan :

Tarikh :

**** potong yang mana tidak berkenaan**